



Panduan Permohonan Kemasukan Ke USM bagi Ijazah Sarjana Muda (Saluran Perdana)

Permohonan kemasukan ke USM bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda Penuh Masa (Saluran Perdana) perlu dikemukakan melalui permohonan atas talian di laman web <https://pohon.usm.my>. Untuk maklumat lengkap berkenaan senarai program yang ditawarkan serta syarat kemasukan sila layari laman web di atas. Berikut disertakan langkah-langkah dan panduan permohonan.

- 1 PEMBELIAN NO. PIN**
 - Semua pemohon yang ingin memohon perlu membeli No. Pin **USM PERDANA** dari Bank Simpanan Nasional. Pemohon dikenakan caj **RM 40.00** sebagai yuran proses permohonan.
- 2 DAFTAR PERMOHONAN**
 - Pemohon perlu mendaftar permohonan terlebih dahulu sebelum dibenarkan mengemukakan permohonan dengan menggunakan No. Pin USM PERDANA di laman web **https://pohon.usm.my**. Pemohon akan diberikan No. Rujukan setelah berjaya mendaftar.
- 3 LOGIN**
 - Sila LOGIN menggunakan No. Rujukan dan Kata Laluan (kata laluan yang ditetapkan oleh pemohon semasa mendaftar).
- 4 MAKLUMAT PERIBADI**
 - Pemohon dikehendaki mengisi maklumat peribadi seperti tarikh lahir, alamat, no. telefon dan sebagainya dan menekan butang **SETERUSNYA**.
- 5 MAKLUMAT AKADEMIK**
 - Pemohon dikehendaki mengisi semua maklumat akademik yang berkaitan seperti keputusan SPM, Diploma dan sebagainya.
- 6 MAKLUMAT KO-KURIKULUM**
 - Pemohon dikehendaki mengisi maklumat ko-kurikulum seperti badan beruniform atau sukan yang disertai bagi peringkat tertinggi.
- 7 MAKLUMAT SOSIO-EKONOMI**
 - Pemohon dikehendaki mengisi maklumat ibu bapa / penjaga seperti Nama, No. KP, Pekerjaan & Pendapatan dan lain-lain.
- 8 PEMILIHAN PROGRAM PENGAJIAN**
 - Pemohon perlu memilih sekurang-kurangnya satu program pengajian yang ditawarkan oleh USM. Pemohon kategori STPM & Matrikulasi/Asasi semasa dibenarkan memohon maksimum 8 program pengajian manakala pemohon kategori Diploma/Setaraf dibenarkan memohon 4 program pengajian.
- 9 MUAT NAIK**
 - **Hanya** calon yang memohon kategori **DIPLOMA/SETARAF** sahaja yang perlu memuat naik salinan mykad dan keputusan akademik seperti SPM, Diploma, A-Level, IB dan lain-lain yang berkaitan.
- 10 PENGESAHAN**
 - Pemohon perlu menekan butang **HANTAR** bagi melengkapkan proses permohonan. Kemudian pemohon dinasihatkan mencetak maklumat permohonan sebagai simpanan dan rujukan pemohon.

PERTANYAAN :

SEKSYEN PENGAMBILAN PELAJAR
 BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK
 JABATAN PENDAFTAR
 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
 11800 PULAU PINANG
 ☎ 1 300 888 876
 ☎ 04 – 653 3328
 ✉ admissions@usm.my
 📌 Student Admissions USM

Tempoh Permohonan: 18 Januari 2016 ▶ 4 April 2016